

● ● **RENCANA TUNAS**

Oleh: Nasha Rodziadi Khaw



KARYA BERTULIS DI TANAH ARKEOLOGI



Kajian arkeologi terhadap artefak hanya dapat memberikan gambaran umum tentang latar belakang budaya sebuah masyarakat.

Keperluan Sumber Bertulis dalam Arkeologi

haiwan serta barangan perhiasan. pelbauran besi, alat batu, tulang manusia dan termasuklah tugu candi, seramik, tapak masa lampau sebuah masyarakat antaranya memberikan pelbagai gambaran tentang Pelbagai bentuk penemuan arkeologi telah adalah saintifik, sains sosial dan sastera. dalam kajian arkeologi melibatkan gabungan pelbagai pendekatan yang berbeza diperlukan Bagi menjawab segala persoalan tersebut, fizikal dan sejarah.

cara hidup, kesenian dan kebudayaan, ciri mengenali manusia pada masa lampau, iaitu digunakan untuk menjawab empat persoalan sains sosial. Selain itu, bidang arkeologi juga sebagai cabang bidang ilmu kemanusiaan dan suatu pendekatan multi disiplin yang dianggap barang) merk. Arkeologi juga merupakan berdasarkan pengalaman material (barang- terhadap aktiviti manusia pada masa lampau Bidang arkeologi didefinisikan sebagai kajian



Arkeologi sebagai Permulaan

Oleh itu, sumber bertulis diperlukan bagi mendapatkan maklumat yang lebih spesifik mengenai masyarakat zaman lampau. Gambaran tentang peristiwa penting dalam peradaban manusia pada masa lampau perlu didasarkan kepada sumber penulisan. Hal ini demikian sumber penulisan mempunyai rekod yang spesifik, tepat dan bersifat kontemporer tentang sebuah peristiwa pada satu masa. Sumber penulisan yang dimaksudkan tersebut adalah seperti prasasti, dokumen rasmi, catatan pribadi serta sumber kesusasteraan. Oleh hal yang demikian, gandingan antara tafsiran terhadap data arkeologi dengan sumber bertulis tersebut dapat memberikan gambaran yang lebih holistik tentang masa lampau sebuah masyarakat, terutamanya di Semenanjung Tanah Melayu. Proses rujuk silang antara bidang arkeologi dengan sejarah dan kesusasteraan dapat menyumbang kepada tafsiran tentang masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu pada zaman protosejarah. Sebelum kebangkitan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15, Semenanjung Tanah Melayu memiliki sejarah dan perkembangan kebudayaan yang amat panjang merangkumi zaman prasejarah dan protosejarah.



Zaman prasejarah di Semenanjung Malaysia melibatkan perkembangan kebudayaan Paleolitik, Hoabinhian dan Neolitik serta dicirikan dengan keadaan masyarakatnya yang mengamalkan aktiviti memburu, memungut dan menjalankan pertanian awal. Pada zaman ini, iaitu dari awal kemunculan manusia sehingga abad ke-2, masih belum wujud rekod bertulis. Pada sekitar abad ke-2, kawasan Kepulauan Melayu telah mula dilawati oleh para pedagang asing, terutamanya dari China dan India yang memiliki tahap perkembangan kebudayaan yang lebih tinggi dalam sistem penulisan, teknologi, kesenian dan keagamaan.

Bermula pada sekitar abad ke-7 dan abad ke-8 pula, para pedagang Arab mula datang ke Kepulauan Melayu. Kedatangan para pedagang dan pelayar asing ini bukan sahaja mewujudkan proses pertukaran budaya, perkembangan ekonomi dan perpindahan teknologi, tetapi turut menghasilkan rekod bertulis. Pada zaman inilah berlakunya proses evolusi penempatan pesisir pantai dan pinggir sungai di Semenanjung Tanah Melayu serta kewujudan kerajaan awal.



Keputusan Karya Hikayat Merong Mahawangsa dan At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah dalam Arkeologi

Zaman protosejarah Malaysia yang berlangsung dari abad ke-2 hingga abad ke-14 menyaksikan kebangkitan kerajaan Kedah Tua sebagai sebuah kuasa ekonomi dan politik paling dominan di

Semenanjung Tanah Melayu. Kedah Tua ialah kerajaan awal di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu yang juga merupakan pendahulu kepada Kesultanan Kedah Moden.

Sebagai sebuah kerajaan maritim, Kedah Tua terdiri daripada konfederasi penempatan pinggir sungai dan pesisir pantai yang memiliki pelbagai fungsi seperti pusat pengeluaran bahan mentah, pusat pertukaran barang dagangan serta pusat industri. Ketika kemuncaknya, kerajaan Kedah Tua berkemungkinan merangkumi seluruh kawasan pantai barat Semenanjung Tanah Melayu, iaitu dari Segenting Kra hingga ke Johor. Pada awal abad ke-16, setelah merosotnya perdagangan antarabangsa di Kedah Tua, wilayah tersebut masih lagi meliputi kawasan dari Beruas di Perak hingga ke Trang.

Maklumat tentang kerajaan Kedah Tua diperoleh daripada tiga sumber utama, iaitu sastera sejarah tempatan, rekod asing dan data arkeologi. Rujuk silang antara ketiga-tiga rekod tersebut dapat menjawab persoalan penting tentang aspek ekonomi politik dan kebudayaan masyarakat Kedah Tua.

Sumber sastera sejarah tempatan tersebut terdiri daripada *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. *Hikayat Merong Mahawangsa* ditulis pada sekitar awal abad ke-19. Hikayat tersebut banyak memuatkan kisah tentang para pemerintah negeri Kedah sebelum kedatangan agama Islam dan turut menceritakan tentang pembukaan negeri Perak, Patani dan Siam. Dalam hikayat ini, dikatakan bahawa pemerintah Kedah yang pertama merupakan Raja Merong Mahawangsa, seorang bangsawan Rom. Ketika angkatan laut baginda melakukan pelayaran dari Rom ke negeri China, mereka telah diserang oleh Garuda. Baginda kemudiannya telah membuk negeri Langkasuka dan setelah itu, pulang ke Rom. Ketika zaman pemerintahan puteranya, Raja Mero Mahapudisat, nama Langkasuka ditukar kepada Kedah Zamin Turan.

At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah pula ditulis oleh Muhammad Hassan bin To' Kerani Muhd. Arshad. Karya tersebut siap ditulis pada tahun 1927. Karya pula menyatakan bahawa raja Kedah yang pertama merupakan Maharaja Derbar Raja yang berasal dari Bandar Abbas di Parsi. Dikatakan bahawa baginda

galaami kekalahan dalam pertempuran dan

urikan diri ke Sri Lanka dan kemudiannya hanyut

uala Sungai Qijah, di Kedah. Disebabkan oleh sifat

nda yang gagah perkasa dan bijaksana, penduduk

catan telah menjadikan baginda sebagai raja

ah. Berdasarkan sumber ini, kerajaan Kedah yang

ama di bawah pemerintahan Maharaja Derbar

nya ialah Langkawi.

Kedua-dua sumber karya ini berkemungkinan besar

ng daripada tradisi sejarah lisan yang dibukukan

a sekitar abad ke-19 dan abad ke-20. Walaupun

yak disulami dengan unsur mitos dan legenda,

ra-dua karya ini mewakili perspektif dan naratif

Yarakat Melayu peribumi tentang masa lampau

eka.

Manuskrif Berjudul dalam Arkeologi

sebabkan lokasi strategik Kedah Tua dan

mananya sebagai sebuah pusat perdagangan

trabangsa, pelabuhan utamanya iaitu di Lembah

ang banyak dilawati oleh pada pedagang asing,

ramanya dari China, India dan Asia Barat.

a pedagang dan pelayar asing tersebut banyak

ghasilkan rekod tentang Kedah Tua.

Pelayar dari India telah mula sampai ke pesisir

Penanjung Tanah Melayu sejak abad ke-5. Bukti

awal hubungan perdagangan antara India dengan

lah Tua pula adalah pada sekitar abad ke-2 lagi.

od tersebut terdiri daripada syair Tamil, sastera

iskrit, Prasasti Chola dan manuskrip Buddha yang

nyak memberikan gambaran tentang kepentingan

nomi Kedah Tua dan kedudukan politiknya.

Sumber Tamil menyebut Kedah Tua sebagai

laran, Kidaran dan *Kazhagam* manakala sumber

iskrit menyebut Kedah Tua sebagai *Katala*. Antara

klimat penting mengenai Kedah Tua yang didapati

pada sumber India termasuklah hubungan

dagangan antara Kedah Tua dengan pelabuhan

Kaveripattinam pada abad ke-2, kewujudan Kedah

Tua sebagai sebuah pelabuhan yang kaya serta

hubungan diplomatik antara Kedah Tua dengan

Srivijaya serta kerajaan Chola.

Selain sumber India, para pelayar Arab turut

menghasilkan banyak catatan tentang Kedah Tua.

Mereka telah menghasilkan laporan pelayaran, log

geografi serta penulisan sejarah tentang Asia Tenggara

sejak abad ke-9 lagi. Rekod tersebut merujuk wilayah

partai Barat Semenanjung Tanah Melayu yang

dikenali sebagai *Kalah* (sebahagian daripada Kedah

Tua). Sumber Arab ini telah memberikan maklumat

penting mengenai komoditi yang diperdagangkan dan

dihasilkan dengan Kedah Tua, hubungannya dengan

kerajaan Srivijaya, keberadaan komuniti pedagang

Buddha pula menyatakan bahawa dalam perjalanan

beliau dari Sumatera menuju ke India, beliau telah

singgah di Kedah Tua.

Berkaitan dengan sumber China pula, terdapat dua

rekod utama, iaitu Weng-Hsien Tung-Pau dan catatan

I-Tsing. Sumber Weng-Hsien Tung-Pao menyatakan

bahawa Chieh-Cha telah menghantar uti ke China

pada tahun 638 Masih, iaitu sebelum kebangkitan

kerajaan Srivijaya. Catatan I-Tsing, iaitu seorang sami

Buddha pula menyatakan bahawa dalam perjalanan

beliau dari Sumatera menuju ke India, beliau telah

singgah di Kedah Tua.

Hubungan antara Karya Sastera dan Rekod

Bertulis dengan Arkeologi

Kedua-dua karya sastera tempatan dan rekod asing

tersebut telah memberikan gambaran penting tentang

Kedah Tua, terutamanya daripada segi peranannya

sebagai pusat ekonomi serta keberadaan sistem

berkerajaan.

Walau bagaimanapun, sumber bertulis tersebut

tidak dapat memberikan sebarang gambaran tentang


aspek teknologi, komoditi perdagangan, kebudayaan

serta lokasi penempatan. Gambaran mengenai perkara

tersebut perlu didasarkan kepada data arkeologi yang



Pasukan Ahli Arkeologi Pusat Penyelidikan Arkeologi, Universiti Sains Malaysia ketika menggali (ekskavasi) di Bukit Choras.



Penulis ketika dalam proses mendedahkan arca di Bukit Choras.

ditemui di Lembah Bujang, yang pada ketika itu merupakan pusat ekonomi dan populasi Kedah Tua.

Lembah Bujang merupakan satu-satunya tapak arkeologi di Malaysia yang memperlihatkan penemuan struktur binaan candi yang bertarikh dari abad ke-6 hingga abad ke-14. Selain itu, ditemui juga arca, prasasti, kalam semah, seramik dagangan, tembikar tanah dan manik. Kekayaan Lembah Bujang dengan pelbagai bentuk tinggalan kebudayaan menggambarkan kesamatan aktiviti ekonomi dan kebudayaan kawasan tersebut sebagai pusat kepada kerajaan Kedah Tua.

Penempatan awal Lembah Bujang yang memiliki tapak keagamaan, perdagangan dan industri terletak di kawasan pesisir pantai, muara dan pinggir sungai kuno yang memiliki akses mudah kepada air bersih, bahan mentah serta pelabuhan. Sejumlah kecil tapak lain pula terletak di kawasan dengan elevasi tinggi yang memiliki signifikan keagamaan dan strategik.

Kebanyakan tapak arkeologi di Lembah Bujang tertumpu di tiga lokasi utama, iaitu sekitar pinggir dan muara Sungai Bujang,

Sungai Batu dan Sungai Muda yang merupakan pusat populasi serta aktiviti ekonomi Kedah Tua. Sejumlah tapak lain terletak di puncak bukit, termasuklah tapak Bukit Gajah Mati, Bukit Kecil, Bukit Meriam, Bukit Choras, Bukit Pendiati, Bukit Batu Lintang, Bukit Penjara dan Gunung Jerai.

Sumber-sumber berbeza menggambarkan Kedah tua dengan pelbagai konotasi dan takrifan dengan sudut pandang yang tersendiri. Perkataan *Kadaram* dan *Katāha* dalam sumber India dan *Chieh-Cha* dalam sumber China merujuk pelabuhan utama Kedah Tua yang berpusat di sekitar kawasan Selatan Gunung Jerai dan Lembah Sungai Merbok-Muda, iaitu tempa ditemui kebanyakan tinggalan arkeologi.

Perkataan *Kalah* yang digunakan oleh sumber Arab tidak semestinya merujuk kawasan pelabuhan di Lembah Sungai Merbok-Muda sahaja. Berdasarkan sudut pandang para pelayar Arab, *Kalah* merupakan sebuah wilayah geografi luas yang merangkumi seluruh kawasan Semenanjung Tanah Melayu.

Naratif tempatan yang dimuatkan dalam *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* dan *Hikayat Merong Mahawangsa* pula menggambarkan negeri Kedah sebelum abad ke-14 sebagai sebuah negeri dengan institusi pemerintahan yang utuh. Walaupun Kedah Tua merangkumi kawasan yang luas, hampir kesemua tinggalan material yang dapat menggambarkan perkembangan politik, ekonomi dan kebudayaan Kedah Tua cuma ditemui di Lembah Bujang.

Hal ini berkaitan rapat dengan kedudukan Lembah Bujang sebagai pusat populasi, tempat berlakunya kebanyakan aktiviti ekonomi dan kebudayaan Kedah Tua. Bagi konteks perbincangan sejarah dan kebudayaan pada zaman Pramoden (abad ke-2 hingga abad ke-14), wujud perbezaan makna perkataan Kedah Tua dan Lembah Bujang. Kedah Tua merujuk sebuah kerajaan maritim yang merangkumi kawasan dari Selatan Thai hingga ke Perak. Lembah Bujang pula merupakan istilah moden yang dipopularkan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti pada awal tahun 1970-an. Istilah ini merujuk kawasan tempat ditemuinya tinggalan arkeologi yang berkaitan rapat dengan perkembangan ekonomi dan kebudayaan Kedah Tua seperti candi, arca, prasasti, seramik dagangan dan manik.

Rujuk silang antara rekod bertulis yang melihat Kedah Tua secara keseluruhan dengan penemuan arkeologi yang tertumpu di kawasan Lembah Bujang memberikan tafsiran baharu mengenai aspek populasi, sistem ekonomi dan kebudayaan masyarakat Kedah Tua.

Dari segi populasi Kedah Tua yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, hal ini berkaitan rapat dengan kedudukan Kedah Tua sebagai sebuah kota pelabuhan entrepot. Rekod Arab dan China telah menyebut tentang keberadaan pedagang India, Arab, Parsi dan China. Rekod sejarah ini disahkan dengan penemuan arkeologi seperti arca, prasasti India, serta seramik dari Asia Barat dan China.

Dari aspek ekonomi pula, sumber Arab dan India menceritakan kedudukan Kedah Tua sebagai sebuah pusat pelabuhan serta industri dan perkara yang sama disahkan melalui penemuan seramik dagangan. Selain itu, dari segi kebudayaan wujud rekod India yang menceritakan tentang pengaruh agama Buddha di Kedah Tua dan perkara ini dibuktikan oleh penemuan beberapa buah candi Buddha di Lembah Bujang.

Kesimpulan

Sumber sastera sejarah tempatan, rekod asing dan data arkeologi memberikan gambaran dari perspektif yang berbeza. Sumber sastera tempatan menyediakan naratif berdasarkan sudut pandang masyarakat peribumi, manakala rekod asing pula berdasarkan perspektif pelayar luar. Data arkeologi pula memberikan gambaran langsung mengenai aktiviti manusia pada zaman lampau.

Apabila dirangkumkan semua sumber tersebut, sejarah Kedah Tua dapat ditelusuri dari pelbagai sudut yang berbeza. Hal ini sekaligus menekankan kepentingan untuk melihat sumber kesusasteraan dan arkeologi sebagai dua bidang yang saling berkaitan untuk membentuk naratif yang bersifat komprehensif. **■**